

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH : 18 MAC 2016



## Muafakat faktor kejayaan Taman Universiti Utama

**SHAH ALAM** - Kerjasama kukuh tanpa mengharapkan ganjaran antara faktor kemenangan penduduk Taman Universiti Utama, Seksyen 30 Shah Alam menggondol lima kategori dalam Anugerah Hijau Zon Bersih Mini MBSA 2015 (Mini ZEEBEE) kali ini.

Mantan Ahli Majlis Zon 11, Norhalim Sirome, berkata kerjasama erat itu membolehkan kawasan yang mengalami longkang tersumbat berjaya diubah landskapnya menjadi menarik selain tempat menternak ikan.

"Alhamdulillah atas kejayaan diraih hasil sokongan dan kerjasama kukuh antara penduduk yang rajin bekerja dan

bergotong royong tanpa mengharapkan upah.

"Saya sudah masuk pertandingan ini dua kali, tetapi saya tidak melihat kerjasama seperti ditunjukkan penduduk Taman Universiti Utama, inilah keistimewaan mereka," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penganugerahan Anugerah Hijau Zon Bersih Mini Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Tahun 2015 di Hotel Concorde pada 10 Mac lalu.

Katanya, hadiah kemenangan itu akan dimanfaatkan untuk membiayai aktiviti kemasyarakatan penduduk taman terbabit.

**i**

### 5 Kategori Mini ZEEBEE dimenangi Taman Universiti Utama

- Anugerah Utama Kategori Taman Perumahan
- Pengerusi (Majlis Perwakilan Penduduk) MPP Mini ZEEBEE terbaik
- Pembentangan konvensyen terbaik
- Kitar semula terbaik
- Amalan terbaik